



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

TERIMA KASIH YAB PERDANA MENTERI ATAS
BELANJAWAN 2025: MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA
PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT
DARI UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI

Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim benar-benar menitikberatkan kepentingan masyarakat terutama golongan rentan dalam usaha menaikkan martabat rakyat. Dalam hal ini, bagi menyokong agenda reformasi institusi dan perundangan yang bertujuan menjamin kesejahteraan hidup rakyat, Kerajaan MADANI telah memperuntukkan RM209 juta kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) berbanding RM194 juta tahun lalu.

Di samping itu, lebih RM60 juta ringgit disediakan bagi menaik taraf prasarana kehakiman termasuk pembangunan sistem e-Kehakiman bagi menyokong agenda digital yang akan meningkatkan akses rakyat bagi mendapatkan keadilan, selain memperkasa institusi kehakiman sebagai badan bebas. Tambahan lagi, komitmen Kerajaan MADANI untuk terus memelihara kebebasan Institusi Parlimen dibuktikan dengan peningkatan peruntukan Parlimen kepada RM180 juta ringgit, pertambahan dari RM166 juta ringgit pada 2024. Sebahagian peruntukan tersebut adalah untuk memperkasa peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebagai wadah semak dan imbang.

Selain itu, pelbagai inisiatif perundangan dalam usaha berterusan agenda reformasi perundangan telah diumumkan dalam Belanjawan kali ini termasuk pengumuman YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana

Menteri mengenai pembentukan satu Pasukan Reformasi Perundangan bagi menerajui kajian dan pengemaskinian lebih 3000 undang-undang lapuk khususnya undang-undang komersial supaya seiring dengan peredaran zaman.

Lebih utama lagi, bagi mengekang trend buli siber yang semakin membimbangkan, Rang Undang Undang Keselamatan Dalam Talian akan digubal dalam masa terdekat. Ini bagi memastikan penyedia perkhidmatan dipertanggungjawabkan dalam meningkatkan tahap keselamatan dalam talian khususnya melibatkan kanak-kanak. Malah, pada tahun ini Akta 574 Kanun Keseksaan dan Akta 593 Kanun Prosedur Jenayah telah dipinda bagi membolehkan tindakan lebih berkesan diambil oleh badan penguat kuasa untuk mengekang sindiket jenayah dalam talian yang menggunakan akaun keldai.

Paling menggembirakan, YAB Perdana Menteri juga mengumumkan peluasan Dasar Peluang Kedua kepada syarikat-syarikat yang telah dibankrapkan pada 2025. Dasar ini, semenjak diperkenalkan pada 2023 yang berteraskan kepada nilai Ihsan dalam kerangka Malaysia MADANI telah beri manfaat kepada bukan sahaja lebih 170 ribu rakyat yang diisytihar bankrap malah juga kepada keluarga mereka untuk membina semula kehidupan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana memberi perhatian kepada keperluan sektor perundangan dan reformasi institusi dalam menyokong pembangunan ekonomi dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat, seiring dengan konsep Malaysia MADANI. Saya yakin Belanjawan 2025 dengan tema Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat akan memacu Malaysia menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
18 Oktober 2024